

Henti bawa masuk e-waste

Cadangan moratorium enam bulan kemasukan sisa elektronik itu disifatkan kurang berkesan

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

SHAH ALAM - Cadangan pelaksanaan moratorium selama enam bulan terhadap kemasukan import sisa elektronik (*e-waste*) disifatkan kurang berkesan, sebaliknya memerlukan ketegasan kerajaan untuk menghentikan terus kemasukan sisa berbahaya itu ke negara ini.

Pakar alam sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman berkata, isu lambakan *e-waste* bukan perkara baharu, malah telah berlarutan sejak bertahun-tahun lalu tanpa penyelesaian menyeluruh.

Menurut beliau, pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai kewujudan sehingga 2,000 hingga 3,000 kontena *e-waste* yang diseludup masuk ke negara ini menunjukkan masalah tersebut berada pada tahap kritikal dan memerlukan tindakan segera.

"Cadangan moratorium enam bulan itu saya rasa tidak perlu kerana isu ini sudah lama berlaku.

"Sepatutnya, sejak dahulu lagi kita sudah boleh meminimumkan malah menghentikan terus kemasukan *e-waste* secara haram.



HALIZA

RANDOLPH

"Isu ini sekejap hangat, sekejap senyap. Jadi, lebih baik ambil tindakan tegas dengan melarang terus kemasukan *e-waste* tanpa memberi tempoh kelonggaran," katanya ketika mengulas langkah SPRM menubuhkan *task force* khas bagi memperkukuh penguatkuasaan terhadap aktiviti *e-waste*.

Haliza berkata, tindakan penguatkuasaan tidak boleh bergantung kepada satu agensi semata-mata, sebaliknya perlu disertai reformasi struktur secara menyeluruh bagi menutup kelemahan sistem sedia ada.

"Sehingga kini, kita masih belum mempunyai dasar atau undang-undang khusus berkaitan *e-waste*.

"Keadaan ini membuka ruang kepada kelemahan penguatkuasaan dan penyalahgunaan permit oleh pihak tertentu," jelasnya.

Beliau menegaskan, kewujudan ratusan pusat pemprosesan *e-waste* haram bukan sahaja melanggar undang-undang, malah memberi kesan besar terhadap alam sekitar

termasuk pencemaran air, udara dan tanah.

"Isu ini perlu dipandang serius kerana kesannya sangat ketara kepada alam sekitar dan kesihatan awam.

"Peranan SPRM amat penting untuk mengenal pasti pihak-pihak di sebalik kegiatan ini termasuk individu berkepentingan yang mungkin mempunyai kuasa," tegasnya.

Mengulas modus operandi pengendali *e-waste*, Haliza berkata, kegiatan tersebut kini semakin berani dan dilakukan secara terbuka.

"Jika dahulu operasi dijalankan di kawasan tersorok seperti hutan, kini kawasan perindustrian dan kedai barangan lusuh pula menjadi tumpuan. Permit barangan lusuh yang berada di bawah pelbagai pihak berkuasa turut disalahgunakan," dedahnya.

Justeru, beliau mencadangkan agar sistem pemberian permit dan penguatkuasaan diselaraskan di bawah satu entiti khusus bagi mengelakkan pertindihan kuasa.

"Saya berpandangan pengurusan *e-waste* seharusnya diletakkan di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana mereka lebih arif tentang kawasan di bawah bidang kuasa masing-masing, selain pengurusan sisa pepejal memang antara fungsi PBT," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Perlindungan Alam Sekitar, Randolph Jeremia menyifatkan cadangan SPRM untuk mengkaji industri kitar semula bahan *e-waste* dan plastik secara teliti merupakan tindakan wajar.

Jelasnya, perkara itu penting terutama dari aspek pengumpulan data untuk membentuk tindakan polisi dan perundangan yang kukuh.

"Bagaimanapun dengan pelaksanaan moratorium tersebut, berkemungkinan peningkatan penyeludupan haram dan operasi kitar semula akan meningkat.

"Untuk menangani isu ini, penguatkuasaan dari segi pemantauan dan pemeriksaan perlu diperkukuh selaras dengan peningkatan risiko yang dijangka," ulasnya.



Laporan Sinar Harian pada Khamis.